



NOTIS MAKLUMAN

URUSAN PELEPASAN GADAIAN ATAU PENYERAHAN HAK SELEPAS SELESAI PEMBIAYAAN

Dimaklumkan urusan pendaftaran pelepasan gadaian/ penyerahan hak boleh dilakukan oleh pelanggan/ waris secara sendiri atau melalui peguam yang dilantik seperti tatacara berikut:

A. Pelaksanaan secara sendiri:

1. Urusan Pelepasan Gadaian

- a. Sila bawa dokumen yang diterima seperti di bawah, ke Pejabat Duti Setem yang berhampiran untuk pengendorsan pengecualian duti setem di bawah PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) 2017, P.U. (A)40 bertarikh 27 Januari 2017;
 - i. Borang16N (bagi Semenanjung Malaysia); atau
 - ii. Memorandum of Discharge of Charge - MDOC (bagi Sarawak); atau
 - iii. Satisfaction of Charge – SOC (bagi Sabah)
- b. Sila catat tarikh urusan pada Borang 16N dan Borang 30A
- c. Kemukakan dokumen Borang 16N/ MDOC/ SOC (yang telah dibuat penyaksian duti setem), Borang 30A dan Perintah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (Tarikh Peletakhakan) 2015 ke Pejabat Tanah yang berkenaan bagi tujuan pendaftaran pelepasan gadaian.

Nota: Borang 30A dan Perintah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (Tarikh Peletakhakan) 2015 hanya diperlukan bagi kes hakmilik/ geran yang digadaikan selain daripada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

2. Urusan Pelepasan dan Penyerahan Hak Semula ("Deed of Receipt and Reassignment" - DRR)

- a. Sila bawa dokumen DRR ke Pejabat Duti Setem yang berhampiran untuk pengendorsan pengecualian duti setem di bawah PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) 2017, P.U. (A)40 bertarikh 27 Januari 2017.
- b. Kemukakan dokumen DRR ke Mahkamah/ Pejabat dan Survei Sabah atau Sarawak yang berkenaan (rujuk maklumat yang tertera di dalam dokumen DRR) untuk pembatalan Penyerahan Hak.
- c. Sebarang pertanyaan mengenai dokumen Hak Milik hendaklah dimajukan kepada Pemaju/ Pemegang Pertaruhan/ Pejabat Tanah yang berkaitan.

B. Pelaksanaan secara lantikan peguam:

Peguam yang dilantik oleh pelanggan/ waris hendaklah mengemukakan dokumen berikut kepada LPPSA:

- a. Surat permohonan dari pihak peguam
- b. Surat lantikan dari pelanggan / waris atau Surat Kebenaran
- c. Borang16N/ MDOC/ SOC/ DRR (mana yang berkenaan)
- d. Borang 30A (Semenanjung Malaysia); atau Borang N1 (Sabah dan Sarawak)
- e. Carian Rasmi terkini
- f. Salinan Surat Perintah Pembahagian Harta Pusaka/ Surat Kuasa Mentadbir Harta/ Grant Probate/ Perintah Mahkamah/ Akuan Amanah Raya Berhad (untuk kes kematian sahaja)

Sila kembalikan dokumen yang lengkap secara serahan tangan atau pos ke alamat berikut :

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 9, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya
(u/p: Jabatan Pentadbiran Kredit 2)

Sebarang kos yang terlibat dalam urusan pelepasan gadaian adalah di bawah tanggungjawab pelanggan/ waris. LPPSA tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang caj/ bayaran yang dikenakan sekiranya berlaku kelewatan dalam urusan pelepasan gadaian tersebut.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

7 OGOS 2023